

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

18 DEC

PENERBIT USM BAWA KARYA BERMUTU TINGGI KE PERSADA ANTARABANGSA

DSC2014

PULAU PINANG, 18 Disember 2015 – Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama dengan portal-portal atas talian dalam memasarkan karya hasil penulisan pensyarah dan warga USM melalui buku elektronik ke persada antarabangsa.

“Penerbit USM perlu bergabung dengan pelbagai agensi termasuk untuk berkarya yang mana bukan sahaja untuk pasaran di dalam negara tetapi juga di persada ASEAN dan antarabangsa supaya memberikan impak yang besar kepada masyarakat luar,” kata Naib Canselor USM Profesor Dato' Dr. Omar Osman ketika merasmikan acara tahunan Penerbit USM, Majlis Pelancaran Buku Penerbit USM dengan tema Sanjungan Karya.

“Di USM sahaja banyak lagi khazanah yang belum diterokai dalam bentuk penulisan, dan diharap Penerbit USM akan bekerjasama juga dengan Pusat Tanggungjawab di USM untuk mula dan terus mengkaji segala ilmu yang ada di sekeliling kita,” tambah Omar dengan memberikan contoh mengenai artifak yang ada di dalam Muzium Galeri Tuanku Fauziah (MGTF), USM.

“Proses penerbitan karya-karya bermutu tinggi haruslah melibatkan tiga elemen penting iaitu mempunyai nilai dalam pemasaran, keserjanaan dan ilmu dengan DNA awal serta pemindahan ilmu untuk dijadikan bahan karya terutamanya dalam bentuk buku untuk dipasarkan seluas mungkin,” kata Naib Canselor.

DSC2110

Penerbit USM yang bakal melancarkan Pelan Transformasi 2016-2018 diharap dapat mengambil kira hala tuju organisasi tersebut selari dengan halatuju USM di samping dapat menyumbang sejumlah pendapatan keuntungan pemasaran kepada USM.

“Penerbit USM kini ini adalah peneraju penerbitan elektronik dalam kalangan penerbit ilmiah di Malaysia dan menjadi tempat rujukan kepada rakan Penerbit Institut Pengajian Tinggi,” kata Pengarah Penerbit USM, Akhbar Salleh.

“Tiga jurnal telah dipilih sebagai penerima Jurnal Taraf CREAM oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan empat jurnal yang terdapat dalam pangkalan data Scopus telah disenarai dalam pangkalan data baru Emerging Sources Citation Index (Thomson Reuters),” tambah Akhbar menerangkan lagi kejayaan-kejayaan Penerbit USM selain penandatanganan lapan perjanjian dengan rakan strategik antarabangsa dalam pemasaran buku elektronik termasuk PT Buqu Global dan Ingram Content Group.

Sejumlah 34 judul karya yang dihasilkan oleh 56 pengarang dan editor buku pada tahun 2015 dilancarkan pada majlis kali berbanding 27 buah pada tahun lepas dan jumlah ini semakin meningkat sekaligus dapat menambah khazanah ilmu yang memberi manfaat kepada pembacanya.

Untuk rekod, Penerbit USM bermula pada tahun 1972 dengan tertubuhnya unit di bawah Jabatan Perpustakaan namun pada tahun 2002, Penerbit USM telah dinaik taraf menjadi Pusat Tanggungjawab.

DSC2264ghk

Buku pertama terbitan Penerbit USM adalah *Sesayup Jalan* karya Zurinah Hassan diterbitkan pada tahun 1974 dan sehingga kini, Penerbit USM telah berjaya menerbitkan lebih 1,200 judul penerbitan.

Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Universiti, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dato' Dr. See Ching Mey serta pengarang dan editor buku yang dilancarkan.

Teks: Mohamad Abdullah dan Nor Rafizah Md Zain

Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015